

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"ORANG-orang yang berilmu lagi beriman mendapat pujian daripada Allah. Mereka boleh mengalihkan ahli ibadat, kerana ahli ibadat beribadat untuk diri mereka sendiri, sedang ahli ilmu menyumbangkan ilmu mereka untuk kesejahteraan bersama. - Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi.



مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"DARIPADA Ibnu Umar telah berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan hukumnya adalah haram." - (Riwayat Imam Muslim).



Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.45 4.55 6.17 6.40 12.28 3.48 6.36 7.49

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 92

2 OGOS 2017 / 1438 ذوالقعدة 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Belia berkualiti satu pelaburan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Haifilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Ogos. - Ke arah belia berkualiti, tidak syak lagi adalah satu pelaburan yang memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan, yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran di kalangan belia.

Dengan adanya kesedaran itu akan menjadikan para belia lebih dewasa dan lebih patriotik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan perkara tersebut pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kesedaran menurut maksud titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah kesedaran berugama, berkeluarga bermasyarakat dan bernegara.

Baginda bertitah, keempat-empat jenis kesedaran itu sangat mustahak untuk dimiliki oleh para belia kita, tanpa membezakan status dan peringkat mereka kerana itulah rukun kesempurnaan bagi belia.

Ke muka 2

Belia berkualiti satu pelaburan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menerima junjung ziarah daripada para jemputan khas sejurus tiba di Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dari muka 1

"Kita perlu risau, kalau-kalau para belia kita kosong dari memiliki ciri-ciri kesedaran tersebut. Kerana jika ini berlaku, impak buruk pasti menimpa masyarakat dan negara," tegas baginda.

Dan kita lebih risau lagi dengan apa yang kita dengar dan baca, titah baginda, bahawa di tempat lain telah pun berlaku murid-murid sekolah atau pelajar membuli rakan mereka sampai mati, serta lain-lain lagi jenayah dan ia adalah betul-betul membimbangkan.

Kebawah DYMM bertitah, jika murid atau pelajar sudah melakukan jenayah paling berat, betapa setelah mereka itu dewasa atau setelah jadi belia kelak?

Jadi ternyata, titah baginda, peristiwa seperti itu menambahkan lagi tanggungjawab para pemimpin, ibu bapa dan guru untuk memastikan, bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah, zaman belia adalah zaman yang indah dan manis.

"Barang siapa yang sempat melalui zaman belia, maka orang itu adalah orang beruntung kerana pada tahap inilah individu mengalami pertumbuhan yang sangat menentukan," titah baginda.

Pertumbuhan itu, menurut Kebawah DYMM, ialah dari segi syaksiah, kebolehan dan pengetahuan yang mana seorang belia yang tumbuh normal dan sihat adalah belia yang baik.

Baginda bertitah, ditambah lagi jika pengisiannya sempurna, dari sudut keperibadian, pendidikan dan kebolehan, maka belia yang seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berkualiti.

Baginda menegaskan dalam titahnya bahawa belia berkualiti, di samping diukur dari sudut pengisiannya, dia juga ditentukan oleh sikapnya.

Belia yang bersikap suka memajukan diri, titah baginda, itulah tanda belia yang berbakat besar, yang pada lazimnya sangat aktif dan kreatif.

"Bukankah semua ini merujuk kepada kualiti dan belia macam inilah yang kita mahukan. Kita mahu belia kita jangan pasif tetapi aktif. Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah, belia yang ligat dan giat 'mengisi' waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebajikan, bukan membiarkannya kosong atau berlalu begitu saja," titah baginda lagi.

Dengan yang demikian, pengisian hari atau waktu ini mustahak diambil kira, kerana zaman kita sekarang adalah zaman yang terlalu banyak berseronok

atau bersantai.

Jika para belia, kita biarkan asyik memilih trend bersantai sahaja, maka risikonya sangatlah buruk untuk masa depan, titah baginda.

Di antara risiko yang dapat diramalkan, menurut baginda, ialah negara mungkin saja akan terjebak memiliki sumber tenaga yang lemah atau ketandusan daya saing bagi menghadapi pelbagai cabaran.

Kebawah DYMM menegaskan bahawa tanggungjawab kita bukanlah setakat membina bangunan atau membina negara tetapi, tanggungjawab paling mencabar ialah tanggungjawab membina insan.

"Maka untuk itulah kita membangun sekolah, membangun institusi keluarga dan sekali gus memerlukan pemimpin prihatin dan kekuatan dakwah," titah baginda.

Baginda seterusnya juga menekankan semua pihak yang berkenaan sangat perlu untuk mengambil langkah-langkah bersepadu dalam membina bangsa, khasnya membina para remaja dan belia.

Baginda penuh yakin bahawa apabila tanggungjawab itu dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka barulah ada harapan untuk kita dapat melihat sebuah generasi masa depan yang menyerlah, InsyaAllah.

Dari Sidang Pengarang.

9 ذو القعدة 1438 BERSAMAAN 2 OGOS 2017

BELIA PERLU AKTIF, JANGAN PASIF

TARIKH 1 Ogos diisytiharkan sebagai Hari Belia Kebangsaan dan pada tahun ini negara meraikan sambutannya untuk kali ke-12, memberikan satu pengiktirafan dan penghargaan kepada pergerakan belia di negara ini.

Ia juga antara lain memartabatkan pergerakan belia dan mengumpulkan belia-belia di seluruh negara dalam satu perhimpunan yang begitu bermakna.

Belia kerap kali dikaitkan sebagai penerus bangsa dan negara, di bahu mereka terpikul satu tanggungjawab yang amat besar untuk memastikan kesinambungan sebuah negara. Perkara ini tidak dinafikan, namun perlu juga ditekankan bahawa apa yang diperlukan ialah belia yang berkualiti.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, seorang belia yang tumbuh normal dan sihat adalah belia yang baik. Ditambah lagi jika pengisiannya sempurna, dari sudut keperibadian, pendidikan dan kebolehan, maka belia yang seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berkualiti.

Belia berkualiti, di samping diukur dari sudut pengisiannya, dan juga ditentukan oleh sikapnya. Belia yang bersikap suka memajukan diri, itulah tanda belia yang berbakat besar, yang pada lazimnya sangat aktif dan kreatif, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Titah baginda, belia macam inilah yang kita mahukan. Kita mahu belia kita jangan pasif tetapi aktif.

Dalam memastikan melahirkan belia berkualiti, setentunya melibatkan satu pelaburan. Ia memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan, yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran di kalangan belia. Kesedaran yang dimaksudkan di sini ialah kesedaran berugama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Dengan kesedaran ini akan menjadikan para belia lebih dewasa dan patriotik. Keempat-empat jenis kesedaran ini mustahak untuk dimiliki oleh para belia tanpa membezakan status dan peringkat mereka.

Tahun ini Sambutan Hari Belia Kebangsaan bertemakan 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara' memberi peringatan kepada belia betapa perjalanan walau jauh dan berliku perlu dilalui dengan tabah, waspada dan terarah untuk menghampiri Wawasan Negara 2035 yang mendambakan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Pada tahun ini, sebanyak empat kategori dibuka untuk pencalonan Anugerah Hari Belia Kebangsaan iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia.

Sesungguhnya penganugerahan kepada belia bukan sahaja memberi pengiktirafan kepada golongan belia, malahan ia juga boleh menjadi inspirasi dan menunjukkan betapa pentingnya peranan para belia dalam sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan. Semoga terus bergerak maju demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara jua. - Ketua Penyuntingan (Ss).

Pameran Hari Belia Kebangsaan tekankan dua komponen penting



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan seterusnya menyaksikan pameran pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 di Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas. Perhimpunan tersebut berpaksikan 'Menghulurkan Kasih, Menyemai ikatan' yang menekankan kepada dua komponen penting dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu.

'Menghulur Kasih' membawa maksud sumbangan belia dalam menghulurkan bantuan dan kemahiran bagi membantu masyarakat supaya menjadi amalan belia, dan cabang perkhidmatan menjadi tarikan kepada belia yang lain selaras peranan kita dalam kehidupan untuk saling bermanfaat sama ada dalam saling berkongsi ilmu, harta kekayaan, tenaga serta sifat-sifat terpuji untuk mewujudkan suasana yang harmoni.

'Menyemai Ikatan' pula membawa makna mewujudkan

ikatan serta hubungan di antara belia-belia dan organisasi belia menjadi angkatan yang kuat untuk sama-sama membangun masyarakat.

'Menghulurkan Kasih Menyemai Ikatan' merupakan satu *statement* kepada para pemimpin dan para belia untuk saling bekerjasama, bersatu padu dan berperanan untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Dalam perhimpunan tersebut memperlihatkan 33 buah projek atau program kesukarelawanan.

Projek atau program yang terpilih merupakan projek-projek terkini di samping aktiviti sukarelawan yang telah lama berjalan sebagai Model Projek.

Juga mengikuti perhimpunan ialah penerima Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia, www.alhuffaz.com iaitu Platform Pembelajaran Al-Quran yang diasaskan oleh Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan.

Projek www.alhuffaz.com (Platform Pembacaan Al-Quran) Al-Huffaz Management ini menjana mata pencarian dengan menyediakan perkhidmatan,

antaranya membaca Khatam Al-Quran 30 Juzuk, Bengkel dan Kem Hafazan, Kelas Al-Quran dan Iqra, Imam bagi Solat Tarawih di Bulan Ramadan dan membaca Doa Selamat, Surah Yaa Siin, Tahlil serta Doa Arwah dengan menggunakan hafiz-hafiz yang mencari pekerjaan.

Projek ini memanfaatkan ICT bagi memudahkan masyarakat berlanggan perkhidmatan-perkhidmatan itu yang hasilnya melahirkan generasi celik Al-Quran pada era globalisasi ini.

Projek ini berpotensi untuk berkembang maju dalam mewujudkan peluang pekerjaan sekali gus menyumbang kepada matlamat pembangunan belia.

Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim berkata, minatnya dalam mengajar mengaji memberinya idea untuk menghasilkan inovasi dengan memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mencari guru-guru mengajar mengaji.

"Objektif Al-Huffaz adalah bagi melahirkan generasi celik Al-Quran serta memartabatkan dan menanam minat pembacaan Al-Quran di negara ini," jelasnya.

Tema sambutan Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara' memperingatkan belia untuk terus berdaya maju, cekal dan berusaha untuk memajukan negara.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYT Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mendengar sembah penerangan daripada para belia yang terlibat pada pameran tersebut (kiri sekali dan kiri).

Majlis Keugamaan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MULAUT, Isnin, 31 Julai. - Golongan belia adalah merupakan harta yang paling berharga terhadap sesebuah negara di mana golongan tersebut merupakan generasi penerus sesebuah bangsa.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Belia Kebangsaan merupakan sambutan kali ke-12 dengan tema 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara'.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd Said. Manakala bacaan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Awang Haji Abdul Aziz. Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah seterusnya diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Asbinin bin Haji Zainal.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

Majlis juga turut disertai Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Takmir Masjid berkenaan; penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam Sengkurong;

Alumni Program Khidmat Bakti Negara; Alumni Program Belia Cinta Tanah Air; Alumni Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun; Persatuan-Persatuan Belia; para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; rekrut-rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Warder; Ahli-ahli Kelab Pusat Belia; Ahli Badan Sukarelawan Belia Da'e Pusat Da'wah Islamiyah; peserta-peserta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1438H / 2017M serta penduduk sekitar Kampung Mulaut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (lima, kanan) dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (enam, kanan) semasa hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Keberangkatan Kebawah DYMM suntik semangat para belia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyampaian Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2017 dalam empat kategori; iaitu Anugerah Belia Cemerlang kepada Dayang Nurliyana Fatim binti Arifin (atas); Anugerah Belia Berkhidmat kepada Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit (bawah kiri); Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Awang Mohammad Adil Firdaus bin Awang Haji Jukin (bawah, kanan) dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia kepada Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan (bawah sekali kiri).

Semata-mata gambar bawah sekali kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai aktiviti-aktiviti kumpulan KESAN.

Keberangkatan sama, padu-pakda anakanda dan adinda

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dari Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Sri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah aluananya menyembah baha keberangkatan Kebawah DYMM menunjukkan keperihatinan mendalam baginda terhadap pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam yang setentu menjadi inspirasi dan penyunit semangat kepada belia dan beliawanis yang hadir pada majlis sambutan berkenaan khususnya belia-belia di seluruh negara amnya yang bergantung harap kepada belia selaras bidalan 'Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara'.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai tema sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayaikan Wawasan Negara' dipilih untuk menyebarkan harapan kepada belia peri mustahaknya belia siap siaga untuk menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; menyumbang kepada langkah-langkah menuju kehidupan rakyat yang berkualiti; dan menyentuh dalam menjana ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, sebagaimana matlamat Wawasan Negara 2035.

"Belia pada pokoknya perlu berhijrah dengan cepat dari tahap pencapaian di dalam bidang-bidang asas kepada tahap yang lebih sophisticated sebagai orientasi masa depan yang lebih maju untuk kemakmuran yang berdaya tahan," ujar Yang Berhormat.

Kebawah DYMM telah berkenan mengurniakan titah di majlis tersebut.

Pada majlis itu, Ikrar Belia dibacakan oleh barisan kumpulan belia yang diketuai oleh Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marzuki, seorang pegawai di Agensi Pelaburan, Kementerian Kewangan dan naib

Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jeffri Bolkiyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bergambar ramai ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dari Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Sri

Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Antarabangsa 2016 dan 2017.

Dikuti dengan tayangan video terbitan Kumpulan Kreatif yang memaparkan kepentingan berdaya usaha dan berinovasi untuk mencapai kejayaan turut ditayangkan.

Acara kemuncak sambutan ialah penyampaian Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2017 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM.

Penyampaian Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2017 bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan negara kepada pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyulut titah serta hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mendukung usaha golongan belia dalam membangun dan mengekalkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja kemudian dijunjung berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan seterusnya berkenan menerima pesambutan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2017.

Pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan oleh Kebawah DYMM pada setiap 1 Ogos adalah satu keistimewaan kepada para belia seperti yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara 2002.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah DYMM sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jeffri Bolkiyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik bergambar ramai ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Antara objektif sambutan ialah

untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan menyambut Hari Belia Kebangsaan. Di samping itu,

untuk memberi peluang kepada para belia berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari berbagai-bagai

aspek serta mengerakkan lagi hubungan silatursahim dan menjana integrasi dalam kalangan generasi belia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyampaian Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2017 dalam empat kategori; iaitu Anugerah Belia Cemerlang kepada Dayang Nurliyana Fatim binti Arifin (atas); Anugerah Belia Berkhidmat kepada Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit (bawah kiri); Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Awang Mohammad Adil Firdaus bin Awang Haji Jukin (bawah, kanan) dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia kepada Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan (bawah sekali kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berahad mesra dan menyaksikan pelbagai pameran di Perhimpunan Ramah Mesra Belia pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017 (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



Belia cemerlang perlu ada visi jayakan wawasan negara



PENERIMA Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia, Pengasas www.alhuffaz.com iaitu Platform Pembelajaran Al-Quran, Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan (kiri) dan gambar kanan penerima Anugerah Belia Cemerlang, Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin yang juga Pengurus Pemasaran di Ghanim International Cooperation.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Ogos. - Usia muda tidak menjadi penghalang kepada empat penerima anugerah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2017 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas untuk berjaya dalam bidang masing-masing dan seterusnya menabur

bakti kepada masyarakat dan negara.

Salah seorang penerima iaitu penerima Anugerah Belia Cemerlang, Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin yang juga Pengurus Pemasaran di Ghanim International Cooperation merupakan contoh belia yang

mempunyai pencapaian tinggi dan seimbang dengan ciri-ciri positif.

Beliau ketika ditemui berkata, antara ciri-ciri asas yang perlu ada pada diri setiap belia cemerlang adalah visi atau niat untuk sama-sama menjayakan wawasan negara.

Selain itu, katanya, kemahiran juga diperlukan untuk menjadi belia yang cemerlang kerana mereka yang berminat untuk menceburi sesuatu bidang perlu mempunyai kemahiran yang betul untuk berjaya dalam bidang tersebut.

Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia, Awang Mohammad Aidil Firdaus bin Awang Haji Jukin selaku Presiden Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), mempunyai tingkat kefahaman yang tinggi dalam memimpin orang lain untuk bekerja secara sukarela terhadap objektif atau matlamat organisasinya.

Beliau ketika ditemui melahirkan rasa terharu, gembira dan bersyukur kerana dipilih untuk menerima anugerah berkenaan.

Menurutnya, bagi perancangan pada masa akan datang, terdapat cadangan bagi mengadakan

program rakan belia dalam menggalakkan para belia untuk melibatkan diri dan komited dalam menyertai dengan persatuan.

Beliau juga menyarankan para belia agar mengatasi rasa malu dan

rendah diri bagi memperbaiki diri dari semasa ke semasa dan tidak lupa untuk melibatkan ahli keluarga dan belia-belia lain bersama untuk mencapai kejayaan.